

INGATAN BUAT KAUM HAWA

Hukum wanita yang sedang nifas sama hukumnya dengan wanita yang sedang dalam haid.

- Gugur kewajipan solat.
- Haram berpuasa.
- Haram melakukan persetubuhan.
- Haram diceraikan.
- Haram melakukan tawaf.
- Haram memegang mushaf al-Quran. Dibenarkan memegang tafsir al-Quran dan boleh dibaca dengan niat zikir.
- Haram berada di dalam masjid dengan niat beriktikaf, duduk, tidur atau berulang-alik di dalamnya.



MANDI HADAS

Rukun dan cara mandi hadas:

1. Berniat di dalam hati ketika mandi bahawa mandi dilakukan adalah bertujuan untuk menghilangkan hadas (bukan mandi biasa).
2. Menghilangkan najis dan perkara-perkara yang boleh menghalang air sampai ke kulit.
3. Meratakan air ke seluruh badannya termasuk celah-celah rambut dan kawasan-kawasan yang berlipat di badan.

Cara mandi sama ada dengan menyelam, menjirus, berdiri di bawah *shower* atau air pancuran tidak menjadi syarat asalkan air diratakan ke seluruh badan.

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَكْبَرِ فَرَضًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku mengangkat hadas besar yang diwajibkan ke atasku kerana Allah Ta’ala”.

Huraian:

- Seseorang hendaklah mencangkung bagi memastikan air sampai ke *qubul* (alat sulit) dan *dubur*.
- Tidak disyaratkan bilangan jirusan. Memadai dengan sekali jirusan.
- Elakkan pembaziran.

Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia
KKM/BM/50,000/2017
Dengan kerjasama:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



WANITA DAN DARAH

APA ITU HAID?

1. Haid ialah darah semulajadi yang keluar dari rahim wanita setelah mencapai umur baligh.
2. Tempoh masa yang paling singkat keluar haid ialah 24 jam sehari. Tempoh biasa keluar haid ialah 6 hingga 7 hari manakala had maksimumnya ialah 15 hari.
3. Batas masa paling minimum seorang wanita antara 2 haid ialah 15 hari. Manakala tempoh masa suci tiada batasan maksima kerana ada sebahagian wanita yang mengalami haid 6 bulan sekali (kurang atau lebih dari tempoh itu).
4. Seseorang wanita dapat mengetahui sama ada dirinya telah suci atau belum dengan cara memasukkan kapas berwarna putih ke dalam farajnya. Jika cecair pada kapas tersebut tidak terdapat kesan darah ia dianggap telah suci.
5. Seseorang wanita wajib menyegerakan mandi daripada hadas besar sekiranya darah yang keluar telah kering. Hukum melewati-lewatkan mandi tersebut adalah berdosa kerana mengabaikan solat.

APA ITU ISTIHADAH?

1. Istihadah ialah darah yang keluar bukan pada hari-hari haid dan nifas. Istihadah disebabkan oleh penyakit atau kerosakan urat di dalam rahim.
2. Darah ini keluar pada hari ke 16 setelah keluar haid selama 15 hari sama ada secara terus-menerus atau berhenti-henti.
3. Darah istihadah hanya membatalkan wuduk sahaja tetapi tidak diwajibkan mandi. Diwajibkan untuk bersolat dan melakukan ibadah yang lain.
4. Wanita yang hendak bersolat perlu memastikan bahawa telah masuk waktu solat, membasuh kawasan keluar darah, memakai tuala wanita atau sehelai kain untuk menahan keluar darah dan hendaklah berwuduk setiap kali ingin solat fardu.

APA ITU WILADAH?

- Wiladah ialah apabila seseorang perempuan bersalin atau yang mengalami keguguran sama ada berbentuk darah beku (*'alaqah*) atau seketul daging (*mudghah*).
- Wanita yang bersalin atau mengalami keguguran sekiranya tiada darah yang keluar, diwajibkan mandi disebabkan wiladah.
- Sekiranya wanita bersalin (*wiladah*) kemudian disusuli turun darah nifas, maka dia hendaklah menunggu sehingga darah nifasnya selesai dan wajib mandi disebabkan wiladah dan nifas.

APA ITU NIFAS?

- Nifas ialah darah yang keluar selepas bersihnya rahim dari kandungan atau darah yang keluar sebaik sahaja bersalin atau selepasnya.
- Darah yang keluar ketika sakit bersalin atau keluar bersama dengan anak tidak dianggap sebagai darah nifas kerana darah tersebut keluar mendahului anak dan ia dianggap darah fasad (rosak).
- Oleh itu, wajib seorang wanita solat ketika sakit hendak bersalin walaupun ia melihat darah keluar. Sekiranya ia tidak mampu untuk bersolat, maka wajib mengqadha'kannya setelah kering darah nifas.
- Tempoh nifas ialah seketika (satu *lahzoh*) dan kadang-kadang berterusan beberapa hari, kebiasaannya 40 hingga 60 hari.
- Jika darah nifas masih berterusan mengalir selepas 60 hari, ia adalah darah istihadah dan wajib menunaikan ibadah mengikut syarat wanita beristihadah.
- Seorang wanita wajib menyegerakan mandi hadas besar apabila telah kering darah nifas.

INGATAN BUAT KAUM HAWA

1. Perempuan yang hampir melahirkan anak masih wajib menunaikan solat dengan cara yang sesuai dan tidak memudaratkan diri dan bayi yang akan dilahirkan.
2. Bagi perempuan yang keguguran, selagi janin belum keluar daripada rahim, maka wajib baginya menunaikan solat seperti biasa kerana dikira belum *wiladah* atau belum keluar darah *nifas*.
3. Perempuan yang mengalami pendarahan ketika mengandung dan bayi dalam kandungan masih selamat, mereka juga wajib menunaikan solat seperti biasa kerana darah yang keluar adalah darah *istihadah*.
4. Wanita yang melahirkan anak sama ada kelahiran melalui faraj (cara kelahiran normal) atau secara pembedahan dan tidak melihat sebarang darah sebaik sahaja selesai bersalin atau semasa sedang bersalin, maka dia dikira seorang yang suci selepas mandi hadas.
5. Wanita bersalin (*wiladah*) yang disusuli turun darah *nifas*, hendaklah menunggu sehingga darah *nifas*nya selesai dan wajib mandi disebabkan *wiladah* dan *nifas*. Memadai mandi wajib sekali sahaja untuk wiladah dan *nifas*.